

Ketegangan akan tercetus jika tak adil pembahagian sumber kekayaan -PM

UM 12 DEC 1985

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan ketegangan dalam masyarakat berbilang kaum

di negara akan tercetus sekiranya tidak ada keadilan di dalam pembahagian sumber kekayaan.

Perdana Menteri berkata, sekiranya ini berlaku ia akan menjejaskan kestabilan politik, ekonomi dan sosial yang selama ini dipelihara dengan bijaksana.

Berucap di majlis makan malam Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina di sini, malam ini, beliau menyatakan dalam keadaan yang tidak stabil ini, tidak ada golongan yang akan memperoleh keuntungan walaupun mereka itu terdiri daripada golongan yang kaya.

Kemakmuran yang dialami sekarang, kata Perdana Menteri, bergantung kepada beberapa faktor yang antaranya ialah memelihara dan mengekalkan kestabilan politik.

Tidak ada negara yang dapat mengesakan kemakmuran tanpa kestabilan politik di negara tersebut," ujarnya.

apa dasar kerana mahu masyarakat berbilang kaum di negara ini mendapat kemewahan yang adil.

Perdana Menteri juga

mahu supaya kemelesetan ekonomi dapat dikurangkan menerusi pengurangan kos tetapi dengan menambatkan pengeluaran.

Beliau seterusnya memberitahu, faktor kedua ialah perpaduan dan persefahaman antara penduduk dalam sesebuah negara.

Dalam hal ini, beliau berterima kasih dengan peranan yang dimainkan oleh masyarakat keturunan Cina di negara ini yang turut menyumbangkan tenaga untuk membangunkan negara.

Peranan

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, peranan masyarakat Cina di Malaysia diiktiraf oleh kerajaan dan masyarakat yang terdiri dari berbagai kaum.

"Saya tidak fikir masyarakat Melayu, India dan lain - lain menafikan bahawa masyarakat Cina turut menyumbang peranan yang besar dalam membangunkan negara ini," katanya.

Katanya, adalah tidak wajar bagi seseorang itu menyatakan bahawa ia berada dalam sebuah negara yang mewah tetapi ia tidak dapat menggunakan dengan sepenuhnya kemewahan tersebut.

Oleh itu, menurut beliau, kerajaan berusaha membahagi - bahagikan kemewahan yang ada secara sama rata demi untuk mengekalkan kestabilan ekonomi tiap masyarakat dengan cara yang adil dan saksama.

Sebab itu, tegasnya, kerajaan menggubal beber-